

PSB - Bahagian Arkib

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, 4 April, 2019 1:48 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM dan Sekretariat SEAMEO Sedia Platform Bahas Agenda Pendidikan Asia Tenggara



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

4 APRIL 2019 / 28 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: PPA CAS

UUM DAN SEKRETARIAT SEAMEO SEDIA PLATFORM BAHAS AGENDA PENDIDIKAN ASIA TENGGARA



UUM ONLINE: 'Menghidupkan Semula Pendidikan Guru' adalah salah satu bidang keutamaan di bawah Agenda Pendidikan Sekretariat Organisasi Kementerian Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) dengan menjadikan pengajaran sebagai keutamaan untuk mempertingkatkan piawaian kecekapan guru.

Sekretariat SEAMEO yang berpangkalan di Bangkok, Thailand telah ditubuhkan pada 1965 bagi mempromosikan kerjasama dalam bidang pendidikan, ilmu pengetahuan dan kebudayaan di negara-negara Asia Tenggara.

Untuk mencapai salah satu matlamat tersebut, Sekretariat SEAMEO telah menganjurkan *Pre-Service Student Teacher Exchange in Southeast Asia* atau SEA-Teacher Project sejak 2016 bertujuan mempertingkatkan daya saing global guru-guru dan pelajar di Asia Tenggara melalui program pertukaran pelajar dan guru iaitu sebuah program yang memberi peluang kepada mahasiswa dari universiti-universiti di Asia Tenggara untuk memiliki pengalaman praktikum mengajar di sekolah-sekolah di Asia Tenggara.

Sehubungan itu, Sekretariat SEAMEO dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, Kolej Sastera dan Sains (PPA CAS), Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menganjurkan Mesyuarat Penilaian Projek SEA Teacher selama dua hari di Alor Setar, baru-baru ini.

la dianjurkan untuk mengkaji semula dan menilai pelaksanaan kumpulan ketujuh pertukaran guru dan pelajar dengan mengambil kira amalan terbaik dan pelajaran yang dipelajari serta membincang dan merancang kumpulan kelapan pada Ogos depan.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad yang mewakili Naib Canselor telah merasmikan mesyuarat tersebut dan menekankan tentang peranan penting guru dan pelajar pra-perkhidmatan mendapatkan pandangan serantau dan dunia yang lebih luas bagi mendapat pendedahan pelbagai situasi pengajaran dan pembelajaran serta peluang kerjasama.

Pengarah Sekretariat SEAMEO, Dr. Gatot Hari Priowirjanto berkata, perkembangan Projek SEA-Teacher amat mengagumkan sejak dimulakan pada 2016 dengan penglibatan dua buah universiti yang ingin bekerjasama untuk tujuan pertukaran pelajar dan guru tetapi hari ini ia telah berkembang dengan begitu pesat sehingga untuk kumpulan kelapan telah melibatkan kerjasama lebih 100 buah universiti termasuk Jepun.

Mesyuarat kali ketujuh itu disertai 229 peserta dari 107 universiti dan institusi pendidikan guru di Asia Tenggara dan julung kali disertai universiti dari luar Asia Tenggara iaitu Universiti Tsukuba, Jepun.

Sepanjang mesyuarat Projek SEA-Teacher itu, peserta dibentangkan tentang langkah-langkah pelaksanaan dengan terma dan syarat yang harus dilakukan oleh universiti yang mengambil Bahagian, perkongsian pengalaman dalam memberi panduan kepada universiti yang mengambil bahagian untuk memperbaiki program masa depan dan hasil penilaian komprehensif terhadap prestasi pelajar di dalam bilik darjah dijangka menjadi motivasi bagi pihak universiti untuk meningkatkan prestasi pelajar dalam kumpulan seterusnya.

Kumpulan kelapan akan menjalani program pada bulan Ogos 2019 selama sebulan dan mesyuarat penilaian seterusnya akan diadakan di Pibulsongkram Rajabhat University, Thailand pada akhir Oktober 2019.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.